

INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)www.ijham.comSENTUHAN PEMIKIRAN ISLAM DALAM SYAIR-SYAIR
PENYAIR TURKI MOHAMMED AKEF ARSOY*MOHAMMAD AKEF ARSOY AND ISLAMIC IDEAS IN HIS SELECTED POEMS*Adli Yaacob,¹ Mirza Farzana Muhammad Fauzi,² Rumeysa Bozbek Kanci³

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my
- ² Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- ³ Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

Article Info:**Article history:**

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A., Fauzi, M. F. M., & Kanci, R. B. (2021). Sentuhan Pemikiran Islam Dalam Syair-Syair Penyair Turki Mohammed Akef Arsoy. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 4 (15), 131-144.

Abstrak:

Kajian ini tentang penyair negara Turki, Mohammed Akef Arsoy, yang menceritakan tentang perjalanan hidupnya, hubungannya dengan orang sekeliling dan kawan-kawannya, juga kerjayanya yang gah dan hebat dalam kehidupan dunia intelektual ini, sebagai penulis, penyair, doktor haiwan, hafiz Al-Quran, pendakwah, dan penterjemah. Dari hal ini, dapat kita lihat bahawa beliau menganggap Al-Quran dan Sunnah sebagai petunjuk yang benar dan dipercayai. Beliau meneruskan kehidupan dengan melakukan yang terbaik untuk memahami dan mengenali agama Islam, seterusnya menyampaikannya terhadap umat manusia. Seterusnya, beliau juga hebat dalam menguasai ilmu sains dan mempunyai pemahaman yang tepat terhadap ilmu mengkritik Barat, bahkan turut menceburi bidang dunia Islam. Beliau sanggup melupakan kepayahan diri sendiri demi menanggung kesulitan bangsa, dan mengorbankan hidupnya untuk menyiram kembali roh Islam dan menghidupkan semula bangsa baru. Natijahnya, kesusasteraan dan puisi yang kreatif dan imaginatif ini telah dijadikan medan untuk menyampaikan kebenaran dan membangkitkan semangat kemanusiaan. Dan dari segenap hati saya, boleh

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

² Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

³ Pelajar peringkat Sarjana M.A, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

DOI: 10.35631/IJHAM.415011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

saya katakan bahawa jika Akef hidup pada zaman Rasulullah, mungkin beliau akan menjadi penyair yang hebat seperti Hassan Bin Thabit.

Kata Kunci:

Pemikiran Islam, Roh Islam, Kesusasteraan, Puisi, Fikir, Kreatif, Imaginatif

Abstract:

This study is about the Turkish poet Mohammed Akef Arsoy, who tells about his life journey, his relationship with people around him and his friends, as well as his great career in the life of this intellectual world, as a writer, poet, veterinarian, memorizer of the Quran, preachers, and translators. From this, we can see that he considers the Qur'an and the Sunnah as true and reliable guidance. He continued his life by doing his best to understand and recognize Islam, then conveyed it to mankind. Furthermore, he is also great in science and has a deep understanding of the knowledge of criticizing the West, even venturing into the field of the Islamic world. He was willing to forget his own hardships in order to bear the hardships of the nation and sacrifice his life to revive the spirit of Islam and the new nation. As a result, creative and imaginative literature and poetry has been used as a platform to convey the truth and evoke the spirit of humanity. And from all my heart, I can say that if Akef lived in the time of Rasulullah, most probably he would be a great poet like Hassan Bin Thabit.

Keywords:

Islamic Thoughts, Islamic Spirit, Literature, Poetry, Thinking, Creative, Imaginative

Pendahuluan

Sesungguhnya ia adalah hak rakyat bagi sesuatu bangsa untuk mengekalkan sejarah dalam ingatan mereka. Ia adalah untuk dabadikan dalam fikiran eksploitasi mereka dan untuk menyebarkan bakat pada generasi mereka. Begitu juga dengan bangsa-bangsa yang mempunyai minda, mereka dihargai dengan manusia yang abadi - diperhatikan oleh semua orang yang mengunjungi negara-negara itu. Di mana terletaknya monumen seorang penulis di sebuah universiti atas nama ahli falsafah dan sebuah bandar bernama Basil askar.

Jika negara mengabaikan tokoh-tokoh besar seperti mereka dan dilupakan tentang mereka, ia terpaksa - tidak dapat dielakkan - untuk mengimport tokoh-tokoh dari negara-negara besar dari negara-negara jiran atau negara-negara lain, sehingga fiksyen atau khayalan dijadikan ikutan oleh generasi muda dengan mengikuti cara hidup mereka. Kami, sebagai umat Islam, menyimpulkan hal ini dalam kitab suci - Al-Quran -selepas menyebut bahawa Tuhan Yang Maha Kuasa dan nabi-nabi yang mulia, Allah berfirman kepada Nabi Muhammad dalam ayat tersebut, mafhumnya: *((Mereka itulah (para nabi) yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka))* (Surah Anaam, ayat 90). Al-Qur'an juga menyebut tentang Nabi Khidir dan amal kebajikannya, juga tentang kebijaksanaan Luqman, dan memerintahkan kita untuk mengikuti nabi kita.

Oleh kerana perkara ini dalam urusan negara-negara yang hebat, saya melihat bahawa saya harus melakukan tugas saya ke arah merintis pembaharuan dalam negara kita - Turki yang dilindungi oleh Allah - kerana ia mempunyai pengaruh yang besar dalam perlindungan dasar

dan etika Negara serta merupakan perintis pembaharuan. Sesungguhnya, ia sangat menarik seperti yang akan saya tuliskan dalam penyelidikan saya tentang penyair pembaharu yang hebat dan saya berharap bahawa mereka akan dikecualikan dari godaan seperti dalam surah As-Syuara', ayat 224-227, mafhumnya: *((Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka mengembara di setiap lembah, dan bahawa mereka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya? Kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan berbuat kebajikan dan banyak mengingat Allah dan mendapat kemenangan setelah terzalimi (kerana menjawab puisi-puisi orang kafir), Dan orang-orang yang zalim kelak akan tahu ke tempat mana mereka akan kembali))*

Bapa

Bapa Mohammed Akef Arsoy ialah Mohamed Taher Effendi, anak dari "Nour al-Din Aghi" yang berasal dari Albania, dan menetap di kampung "Sushisa", Turki. Setelah menamatkan pengajiannya di Abec, Tahir Effendi berhijrah ke Istanbul dan mendapat pengajian dari Yozkatli Mahmud Effendi serta memperoleh ijazah darinya. Muhammad Tahir Effendi terkenal dengan akhlakunya yang baik, jiwanya yang murni di kalangan sahabat pengajiannya, sehingga mereka menggelarnya dengan panggilan "Taher".⁴

Ibu

Ibu Mohammed Akef Arsoy ialah "Amina Sharifa Hanim" yang berasal dari Bukhari (negara Imam Bukhari), tetapi dilahirkan di Antalia. Amina Hanim, dibesarkan di Tokat dan berkahwin dengan Darwish Effendi dari Şirvanlı. Kemudian, dia berpindah bersama suaminya ke Amasia, seterusnya ke Sarigüzel di Fatih, iaitu salah satu daerah lama di Istanbul. Mereka mempunyai anak lelaki dan perempuan, tetapi, selepas kematian anak-anaknya, suaminya juga turut meninggal dunia.

Amina Sharifa Hanim, yang telah menjadi janda pada usia muda kemudiannya berkahwin dengan Mohammed Tahir Effendi, iaitu bapa kepada Muhammad Akef Arsoy. Meskipun begitu, selepas berkahwin dengan Taher Affendi, anak perempuan dari suaminya yang pertama telah meninggal dunia dan ia telah mengubah hidupnya menjadi suram dan sedih. Meskipun begitu, masa depan bersembunyi di dalam diri "Mohammed Akef Arsawi" yang akan menjadi sumber kehidupan baru terhadap ibunya Amina Sharifa Hanim.⁵

Kehidupan dan Latar Belakang Pendidikan

Mohammed Akef Arsoy dilahirkan pada tahun 1290 H (1893 M) di bandar Fateh. Keluarganya memanggilnya "Mohammed Raghef", tetapi kerana kesulitan menyebut nama aslinya maka, keluarga dan sahabatnya menggelarnya sebagai "Mohammed Akef."⁶ Beliau dibesarkan di dalam budaya Uthmaniyyah tradisional dan mempunyai keluarga yang sederhana, konservatif dan berpendidikan.

Akef memulakan pengajiannya di sekolah "Amir Bukhari" pada usia empat tahun. Beliau belajar selama dua tahun di sekolah tersebut dan kemudian berpindah ke "lilli" pada tahun 1879. Beliau mempelajari bahasa Arab dari ayahnya.⁷ Seterusnya, beliau memulakan kajian persediaannya di "Persiapan Pusat" di Al-Fateh pada tahun 1882, dan mempelajari bahasa

⁴ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, Müstesna Şair, Pınar Yayınları: Istanbul, p16.

⁵ Ibid., p15.

⁶ Ibid., p16.

⁷ Ibid., p17.

Parsi. Mohammed Akef seorang yang mementingkan bahasa, di mana dia adalah orang pertama menguasai bahasa Turki, Arab, Parsi dan Perancis di sekolah menengah. Sewaktu di peringkat rendah dan menengah – setiap hari beliau akan pergi ke Masjid Fateh, yang mana ia dianggap sebagai sekolah dan rumah kebudayaan. Ia juga dijadikan tempat untuk bertemu dan berbual bersama kawan-kawannya. Dan di situlah beliau mula mengenal erti kehidupan.

Selepas menamatkan pengajian sekolah menengah, bapanya mendaftarkan Akef di Royal School of Management pada tahun 1885. Ia merupakan salah satu sekolah yang paling terkenal pada ketika itu. Semasa belajar di sekolah ini, bapanya meninggal akibat kanser tekak pada tahun 1888. Selepas setahun bapanya meninggal, rumah mereka di Al-Fateh dibakar, dan ia menyebabkan mereka jatuh miskin dan menghadapi krisis kewangan keluarga. Salah seorang pelajar bapanya, Mustafa Sadiq Effendi, membina semula rumah yang telah dibakar itu.⁸

Mohammed Akef berhenti belajar di Royal School of Management dan didorong oleh keinginan dan minatnya untuk menjadi pelajar dan beliau mendaftar diri di Sekolah Pertanian dan Veterinar, yang merupakan sekolah veterinar awam pertama di bandar itu. Sewaktu dalam tempoh pengajiannya, beliau sangat mementingkan aktiviti sukan seperti berenang, menunggang kuda dan bertinju. Dalam dua tahun kebelakangan itu, beliau juga mula mengambil tahu dan mempelajari tentang puisi.

Walaupun beliau melalui waktu-waktu yang sulit ini, Mohammed Akef berjaya lulus dari sekolah dan mendapat tempat pertama pada tahun 1893. Setelah menamatkan pengajian dari sekolah, Mohammed Akef mengembangkan bahasa Perancisnya, serta memulakan kajian tentang kemodenan, dan menghafal Al-Quran dalam masa enam bulan. Pada tahun 1895, beliau menerbitkan puisi berjudul "Kata-kata yang terdapat di dalam Al-Quran" dalam majalah "Kumpulan tempat membaca", serta menerbitkan artikel dan puisinya dalam beberapa majalah terkenal.⁹

Sebagai tambahan kepada kajian ilmiah, intelektual dan mentalnya, beliau juga turut menjalankan aktiviti fizikal seperti yang sudah disebutkan di atas. Sebagai contoh, Akef pergi ke sekolah di kawasan kejiranan Fateh dengan berjalan kaki yang mana jaraknya 23 km, dan mempelajari tinju daripada peninju yang bernama "Osman" di kejirannya serta beliau mengambil bahagian di dalam pertandingan gusti. Di samping itu, Mohammed Akef juga mempunyai hobi berenang di Selat Bosphorus dari sebelah Eropah ke tepi persisiran Anotolia, manakala selepas selesai aktiviti berenang, beliau memakai pakaiannya dan pulang ke rumahnya dengan hanya berjalan kaki. Akef selalu melakukan hal ini berulang kali.¹⁰

Perkahwinan

Mohammed Akef telah berkahwin dengan Ismat Hanim, anak perempuan Sayyid Muhammad Amin pada 1898, dan majlis perkahwinan itu diadakan di istana Sayyid Amin di kawasan kejiranan Hırka-i Şerif yang dikenali sebagai Qasr dan Zindar. Selepas sebulan tempoh pernikahan Muhammad Akef dan isterinya, mereka pulang ke rumah yang terletak di Fateh. Mereka dikurniakan dua orang anak lelaki dan tiga orang anak perempuan dan perkahwinan mereka berkekalan selama tempoh 40 tahun.¹¹

⁸ Halaman: <https://www.turkpress.co/node/16824>

⁹ Halaman <https://www.turkpress.co/node/16824>

¹⁰ Ibid., p18.

¹¹ Ibid.

Kerjaya

Beliau mula bekerja sebagai pemeriksa pada tahun 1895 di Kementerian Pertanian di Istanbul. Dalam melaksanakan tugasnya ini, beliau pertama kali melawat Adirne, kemudian di kawasan-kawasan Antalia, rumah Rom, Syria dan Semenanjung Arab, dan mula mengenali penyakit-penyakit yang dihadapi oleh haiwan. Dalam masa yang sama, beliau juga mendekati penduduk kampung dan melihat masalah rakyat serta tragedi hidup mereka. Akef dapat melihat segala tragedi rakyat, kekecewaan, kesakitan yang cuba disembunyikan oleh mereka. Kesemua hal itu telah diluahkan dan diceritakan pada puisi beliau yang menggambarkan kesengsaraan ini secara langsung dalam lukisan realistik.¹²

Beliau kemudiannya bekerja sebagai guru di Istanbul pada tahun 1906 dan 1907. Selepas pengisytiharan syarat kedua pada tahun 1908¹³, Akef bersama kawan-kawannya, Ashraf Adeeb (Eşref Edip) dan Abul-Ela Mardin (Ebül'ula Mardin) bekerjasama dengan kawannya dalam menerbitkan majalah "Siratul-Mustaqim", telah menukar namanya kepada "Sabilu Rasyad", yang memainkan peranan penting dalam kehidupan ilmu dan intelektual pada waktu itu, di mana sebahagian besar penggunaan karya sastra ditulis secara berterusan. Pada tahun yang sama beliau telah dilantik sebagai guru sastra di Arts House "Istanbul University" yang dikenali pada hari ini, beliau diberikan pengkhususan di dalam pengajaran kesusasteraan Arab serta asal-usul terjemahan antara bahasa Arab dan Turki.¹⁴ Bapanya mempunyai peranan besar terhadap kebolehan beliau dalam bidang ini. Bapanya adalah seorang pelajar di dalam pengajian "Assalam" yang mana pengajian ini adalah majlis pengajian tafsir yang dianjurkan para ulama Tafsir dan turut dihadiri oleh Sultan, yang mana dalam sesi pengajian ini, Tahir Effendi adalah guru yang dikenali dan masyhur.¹⁵

Penyair Mohammed Akef, yang tidak bertoleransi dengan ketidakadilan dan kezaliman telah meletak jawatan dari profesinya selepas pemecatan pengurusnya yang tidak mendapat haknya ketika bekerja. Pada tahun 1914, beliau melawat Mesir dan Madinah untuk memberi sokongan dalam bentuk material kepada "Abbas Halim Pasha".¹⁶ Pada akhir tahun yang sama, beliau turut menjalankan misi rasmi khas ke Berlin dan menetap di sana selama tiga bulan, mempelajari tentang kehidupan Barat dengan teliti, serta memeriksa keadaan tahanan Muslim di penjara Jerman Rusia dan England, beliau juga menyampaikan ucapan yang mencadangkan kemerdekaan mereka selepas perang. Tahun berikutnya pula, beliau melawat Mesir sekali lagi dan kemudian pergi ke Madinah. Beliau menulis mengenai kembaranya dalam sebuah puisi yang bertajuk "Dari padang pasir Najd ke Madinah" yang merupakan karya kesusasteraan Turki.¹⁷

Semasa zamannya, dalam Perang Balkan, "Pertempuran Kubu Jenak" dan "Perang Kemerdekaan", beliau juga menyertai "Perjuangan Kebangsaan". Pada tahun 1920 beliau mengembara ke Balikesir dan menyampaikan khutbah untuk membangkitkan semangat di

¹² DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, Mehmet Akef Ersoy, İslam Ansiklopedisi, TDV Yayınları, Cild 28: Ankara, pp. 432-439.

¹³ Semasa tempoh antara 1908-1920, hak-hak Sultan telah digugurkan, parti baru ditubuhkan, dua peperangan utama berlaku: Perang Balkan dan Perang Dunia Pertama, Empayar Uthmaniyyah berakhir, dan sebagainya.

¹⁴ DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, *passim*, pp.432-439.

¹⁵ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p19.

¹⁶ Abbas Halim Pasha adalah martir terbesar di Empayar Uthmaniyyah, cucu "Gully Muhammad Ali Pasha" dan abangnya "Said Halim Pasha", yang juga kawan Mohammed Akef Arsawi.

¹⁷ DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, *passim*, pp. 432-439.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Masjid Zağanospaşa, beliau juga menyampaikan ucapan penting di kawasan lain, serta cuba untuk membimbing rakyat, oleh itu, ucapannya mendapat perhatian besar dari rakyat. Kemudian beliau dipilih sebagai ahli parlimen untuk wilayah "Bordor" Turki di atas tawaran Presiden "Perhimpunan Agung Besar" Mustafa Kemal Pasha antara 20 - 1923 di Ankara dan kemudian beliau kembali ke Istanbul selepas pembubaran majlis tetapi beliau tidak dijemput oleh parti pemerintah untuk kali kedua kerana pemikiran Islam yang dipegangnya.¹⁸

Penulisan Mohammed Akef, Lagu Kemerdekaan "Lagu Kebangsaan Turki"

"Pada tahun 1920, satu pertandingan telah diadakan di Istanbul untuk menulis lagu kebangsaan Republik Turki, di mana lebih daripada 700 peserta telah mengambil bahagian, Mohammed Akef Arsoy telah ditugaskan untuk menulis lagu itu juga, tetapi dia tidak menyertai pertandingan itu, yang memberikan pemenang ganjaran 500 lira Turki, tetapi selepas kawannya, Menteri Pendidikan, Hamadallah Sobhi Bey, dan Hassan Basri memberi semangat dan galakan kepadanya, Mohammed Akef dipujuk untuk menyertai pertandingan itu, dan memenangi tempat pertama. Dan lagu itu yang di namakan "Lagu Kemerdekaan" yang telah dimenangi oleh Mohammed Akef, tetapi hadiah 500 lira tersebut disedekahkan untuk amal kebajikan.¹⁹

Sepuluh Tahun Jauh Dari Tanah Air

Mohammed Akef telah menyampaikan khutbahnya di hadapan rakyat, serta memberi peringatan kepada mereka, beliau juga menulis puisi sewaktu berlakunya perjuangan kebangsaan sehingga khutbahnya menjadi lagenda di wilayah Kastamonu. Seperti yang disiarkan dalam penulisan, puisi dan terjemahan dalam "*Sirat Al- Mustaqim*", terjemahan ini adalah hasil dari terjemahan buku dan artikel yang mengkaji sebab-sebab kelemahan iman dan akhlak di dalam dunia Islam serta mencari jalan penyelesaiannya. Dari terjemahan inilah, semangat reformasi beliau yang menjadi tonggak pembaharuan jelas terserlah.²⁰

Beliau diikuti dan dintip oleh perisik rahsia polis (lelaki keamanan negeri) kepadanya dan beliau berasa sangat sedih dan dukacita diperlakukan sebagai musuh kepada tanah air sendiri sedangkan beliau hanyalah seorang pejuang reformasi, Akef membawa diri ke Mesir, menetap di sana selama dua tahun sahaja, dan kemudian Akef turut membawa isterinya dan anak-anaknya ke Mesir, tetapi perjalanan ini adalah perjalanan yang penuh liku dan kesengsaraan²¹ disebabkan kemiskinan dan penyakit isterinya, di mana isterinya mengalami penyakit psikologi yang mengakibatkan kemarahan yang kronik. Oleh itu, mereka tidak dapat membesarkan anak-anak seperti yang sepatutnya dan seperti yang beliau inginkan. Beliau merasa keliru dengan situasi yang menyedihkan dunia Islam. Selepas itu, beliau tinggal di istana Abbas Halim Pasha, dan mula bekerja sebagai guru bahasa Turki di Universiti Kaherah, tetapi gajinya masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kehidupan, di mana kurang dari sudut kos sara hidup.²²

Dalam pada itu, Mohammed Akef cuba menterjemahkan Al-Quran ke dalam bahasa Turki, tetapi khabar angin itu tidak hanya di situ sahaja bahkan ia telah tersebar. Kerajaan Ankara ingin menerbitkan terjemahan yang bertajuk "Al-Quran dalam bahasa Turki" dan terjemahan itu bertujuan untuk rakyat Turki menunaikan semua ibadah dalam bahasa Turki.

¹⁸ Ibid, pp. 432-439.

¹⁹ Halaman: <https://www.turkpress.co/node/16824>

²⁰ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p20.

²¹ Ibid., p20.

²² DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, *passim*, pp. 432-439.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Memandangkan niat kerajaan Ankara tidak betul kerana ia diminta untuk membaca ayat-ayat dalam bahasa Turki dan bukannya bahasa Arab ketika solat. Akef berasa terganggu dengan tugas penterjemahan yang pernah diambilnya daripada kerajaan pada masa lalu. Akef tidak menarik balik terjemahannya tetapi - menurut novel – diceritakan bahawa beliau memberikan terjemahan kepada sahabatnya di sekretariat Mesir sebelum kembali ke Turki. Akef juga mengembalikan wang yang dibayar oleh pemerintah untuk tugas ini kepada "Elmalılı Küçük Hamdi Efendi", yang kemudiannya menafsirkan Al-Quran untuk tujuan yang sama dengannya.²³

Kewafatan

Allahyarham Mohammed Akef menghadapi masalah dan kesulitan berkaitan dengan Mesir selama sepuluh tahun. Kemudian, Akef menghidap penyakit sirosis hati ketika tahun terakhir beliau tinggal di Mesir. Beliau pergi ke Lubnan untuk berekreasi, tetapi penyakit itu semakin kronik dan melemahkannya sehingga tidak ada satu pun kawannya yang dapat mengenalinya. Beliau tiba di pelabuhan Istanbul dan bertemu dengan beberapa sanak-saudaranya, mereka membawanya ke sebuah bangunan yang dipanggil "Bangunan Mesir" di distrik Beyoğlu di Istanbul. Akef kemudiannya menetap di sebuah rumah yang didedikasikan kepadanya oleh sahabatnya Abbas Halim Pasha.²⁴

Penyair Mohammed Akef meninggal dunia pada 27 Disember 1936 di sebuah rumah di bangunan itu.²⁵ Kerajaan - pemerintah Kemalist pada masa itu - cuba menghalang para pelajar dan kakitangan untuk mengambil bahagian dalam pengebumian, keranda Akef ditinggalkan tanpa belas kasihan pada kereta kuda di depan pintu masjid "Beyazid" seperti pengebumian orang miskin. Kemudian beberapa orang pelajar bertanya mengenai pengebumian itu dan apabila mereka mengetahui bahawa pengebumian itu adalah pengebumian Akef, mereka terkejut dan tidak mempercayai apa yang mereka lihat dan memberitahu serta merayu kepada orang ramai ketika mereka berjalan di jalanan dan kemudian datang seorang pelajar dengan bendera Turki dan menutup keranda Akef dengannya, majlis pengebumian berlangsung di halaman masjid Beyazid dan dihadiri oleh ramai penyokongnya. Akhirnya, keranda Akef dibawa ke tanah perkuburan Edirne Kapı, di atas bahu-bahu sebahagian besar rakyat, dan jenazahnya dikebumikan di sana.²⁶

Akidah dan Caranya

Ideologi Kesultanan, yang dikembangkan oleh jemaah Sunni pada tahun-tahun kebelakangan ini di negara Uthmaniyyah, telah berubah menjadi kezaliman seperti yang diperkatakan oleh Mohammed Akef. Malah orang Barat memanggil negara Uthmaniyah sebagai "orang yang sakit". Beliau melihat bahawa kejayaan dan pembebasan orang sakit ini adalah dengan cara kembali kepada agama Islam.

Muhammad Akef tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan "ikutlah pemimpin anda, walaupun dia seorang yang fasik atau kafir". Sebaliknya, dia tahu bahawa jihad terbesar adalah mengatakan kebenaran kepada pemerintah yang tidak adil. Inilah pegangan dan ideologi Akef, pegangannya ini bergerak seiring dengan jalan yang dia lalui.²⁷

²³ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, pp20-21.

²⁴ Ibid., p21.

²⁵ DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, *passim*, pp432-439.

²⁶ Halaman: https://www.youtube.com/watch?v=1_8YJ23fWKs

²⁷ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p. 25.

Di sini dia berdiri di hadapan semua jenis penindasan dan penganiayaan bukan sahaja terhadap jenis kezaliman ini, tetapi dia juga tidak bersetuju dengan sistem baru yang ditubuhkan selepas tahun 1923, di mana ia adalah satu rampasan kuasa yang mencari tindakan untuk menumbangkan naluri rakyat dari akarnya. Akef percaya bahawa masalah orang Islam adalah sangat suka kepada budaya Barat, ketekunan mereka untuk meniru budaya barat adalah kerana mereka berasa serba kekurangan dan rendah diri. Kekurangan itu mendorong mereka merasakan bahawa tidak melihat apa-apa nilai pada tamadun, agama, iman dan moral, dan mereka melihat apa yang ada pada budaya barat sebagai sesuatu yang mempesonakan, walaupun ia sebenarnya tidak mempunyai nilai.

Oleh sebab ini, Akef tidak dilihat seperti sebahagian daripada cendekiawan lain dari sudut kecenderungan mereka kepada budaya Barat pada ketika itu. Beliau juga melihat bahawa tidak ada unsur positif pada sikap dan tingkah laku Barat. Tidak semua perkara pada sistem baru dan inovasinya adalah buruk - menurut Akef - dan yang sistem lama tidak kesemuanya baik sama sekali. Sistem Kesultanan tidak dapat diluluskan dengan cara apa pun dan juga bergantung kepadanya.²⁸

Istiqomah

Mohammed Akef adalah seseorang yang petah berbicara dan tegas membantah ketika semua orang berdiam diri, iaitu daripada mereka yang tidak memprotes kesilapan, beliau adalah seorang lelaki yang jujur, tidak pandai berbohong pada setiap masa dan tempat. Beliau seorang pemikir yang ikhlas dan jujur. Antara yang pernah melihat kehidupan Akef ialah dari kalangan rakan-rakannya, iaitu Medhat Jamal, Sulaiman Nazif, Ashraf Adib, Hasan Basri Gentai, yang kesemuanya adalah dari golongan intelektual dan penulis. Midhat Jamal menggambarkan rakannya Akef dalam kata-katanya: "Dia ialah seorang lelaki yang melarikan diri dari kemasyhuran, kuat dan berani dalam menenangkan seorang anak dan mentaatkannya. Beliau adalah seorang lelaki berjiwa bersih yang bersederhana serta tidak tahu menipu dan tidak bercakap di belakang sesiapa, beliau juga tidak mempunyai wajah penipu, dan menjadi pendengar yang jujur dan ikhlas kepada orang lain. Apabila kamu melihat wajahnya, kamu akan merasa seolah-olah sedang melihat laut atau langit. Dan beliau sentiasa berdiam diri di atas segala kesakitannya dan tidak mengadu kepada sesiapa. Beliau begitu baik hati dan tidak mengetahui darjatnya di sisi rakyat dan beliau merupakan lambang besar Turki, beliau ialah Mohammed Akef Arsoy."²⁹

Pada tahun pertama pengisytiharan syarat kedua, pada hari Jumaat musim sejuk di Istanbul, salji turun dengan lebatnya, sehingga lalu lintas tersekat termasuklah tram, dan kereta api. Beliau pergi berkunjung ke rumah salah satu sahabatnya, separuh dari minumannya telah beku, dan ketika dia sampai di rumah kawannya, kawannya terkejut dan bertanya kepadanya bagaimana dia datang? Kerana dia pergi ke rumah kawannya berjalan dengan tidak menghiraukan salji yang turun. Akef menjawab kepadanya, "Baik salji maupun badai tidak mencukupi bagi saya untuk tidak datang, saya rela mati, sebab saya sudah berjanji untuk datang."³⁰

²⁸ Ibid., p25.

²⁹ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p28.

³⁰ Ibid., p34.

Akef adalah seorang yang berwawasan dan baik. Beliau sangat marah dengan manusia yang bermuka-muka, dan dia sangat marah terhadap manusia yang mengabaikan orang-orang hebat mempelopori pembaharuan.

Berikut adalah golongan manusia yang tidak disukai dan dimarahi oleh Mohammed Akef:

"Mereka yang meninggalkan 'Sefi Babalar'³¹ hingga mati dan ghaib;
Mereka yang membawa kanak-kanak sekolah dan tidak menghiraukannya;
Pegawai yang memaksa orang tidur di bawah jambatan,
Mereka yang selalu berada di kedai kopi,
Mereka yang menceraikan isteri mereka tanpa henti,
Mereka yang berkembang dengan kemalasan seperti mayat hidup,
Mereka yang kehilangan Balkan dengan kepala mereka yang bodoh;
Mereka yang minum arak di Tokatlian³² dan bercakap di dalam masyarakat tentang keadilan sosial;
Mereka yang menjadi seperti monyet liar walaupun mereka manusia;
Orang-orang yang jahil yang beribadat (tanpa ilmu);
Ulama yang berilmu tetapi tidak beramal.³³

Seorang Lelaki yang Berpegang Pada Prinsipnya

Pada Perang Dunia I, Akef pergi menziarahi kakaknya, Nuri Hanim, yang tinggal di kawasan Yashil Kui. Saudaranya menawarkan kepadanya teh, dan terdapat kiub gula di sebelah teh itu. Gula itu tidak dihasilkan secara tempatan pada tahun-tahun tersebut; ia diimport, dan harganya mahal. Kebanyakan orang minum teh dengan kismis, buah tin atau buah beri kering. Arif Hakeem Bey, ialah menantu beliau yang bekerja di "Gelas Kehidupan".³⁴ Ketika beliau mengetahui bahawa menantunya membawa gula ini, Akef terus meninggalkan rumah kakaknya tanpa minum teh tersebut dan berterusan marah hingga beliau mati.³⁵

Kami juga menyebut pada awalnya bahawa Akef telah menghantar misi rasmi khas ke Berlin. Di mana tahanan Islam adalah orang-orang Sudan, India dan Jawa. Beliau diiringi oleh seorang sheikh Afrika yang dikenali sebagai Anwar Pasha yang juga pekerja bersama dengan Mohammed Akef. Kementerian Luar Jerman telah memperuntukkan mereka sebuah apartmen besar di sebuah hotel, tetapi penyair hebat itu menolaknya. Rakannya Sheikh telah menetap di

³¹ Sefi Baba adalah tajuk salah satu dari puisi Akef, yang dimaksudkannya ialah Sefi Babalar dengan sahabatnya Dülger Hasan Dede.

³² Tokatlian adalah nama tempat di Istanbul.

³³ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p35.

³⁴ Sebuah organisasi swasta yang ditubuhkan untuk membekalkan makanan dan pakaian kepada orang-orang dalam Perang Dunia Pertama.

³⁵ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p29.

hotel, tetapi Akef meminta maaf kerana tidak dapat menerima apartmen ini dan berkata-kata seperti berikut:

"Saya memohon maaf kerana saya tinggal di sebuah hotel dan memakan makanan yang dibayar oleh kamu. Saya tidak boleh membayar wang ini, Jika saya mempunyai kemampuan saya tidak akan membuat kamu membayar walaupun lima lira, saya fikir saya perlu membayar kos minimum, kerana perkhidmatan yang saya lihat di sini bukan hanya untuk kamu, ia adalah untuk negara saya yang bergerak bersama dengan kamu."

Kami telah diceritakan hal ini oleh Habib Edip Törehan iaiti salah seorang pemilik Yeni Istanbul. Dia adalah pelajar di Berlin pada tahun-tahun itu, yang pergi melawat Akef di hotel yang sederhana, dan makan malam bersama di hotel. Makanannya sangat murah. Semasa pengiraan, bil tetamu telah dibayar daripada duitnya sendiri dan tidak dimasukkan ke dalam bil hotel.³⁶

Kebangsaan Barat, Turki, dan Islam

Ia adalah tempoh di mana Akef menjalani masa yang sukar di mana konflik itu paling sengit di antara kelompok politik, dan konflik antara akhbar dan orang awam telah berkembang ke arah ini sehingga intelektual negara terbahagi kepada tiga kelompok, setiap kelompok memiliki pemahaman dan pelbagai tuntutan dan kepercayaan mengenai pembebasan negara dan masa depan manusia. Turkisme - telah memperlihatkan kedudukannya pada pertemuan puak-puak Turki dalam "Tauran"³⁷ idealisme Westernisme -Ia membawa maksud bahawa integrasi masyarakat adalah dengan ilmu-ilmu Barat dan mengambil identiti Barat secara menyeluruh, Adapun Islamisme, wawasannya adalah dapat menyatupadukan satu matlamat: menyeru kebangkitan semula negara Islam yang hebat dan kebangkitan semula sistem khalifah.³⁸

Bagi teori penciptaan, tesis baru digunakan dan dirujuk. Sebagai contoh, golongan nasionalis Turki mengatakan bahawa semua orang dilahirkan dari bangsa Turki dan bahasa Turki adalah bahasa dunia, seperti yang dikaitkan dengan mitos bahawa umat manusia berasal dari serigala. Manakala golongan Barat berpegang kepada teori Darwin yang mengatakan bahawa manusia berasal dari monyet. Tetapi pada pendapat Islam mengenai perkara ini jelas membawa maksud: umat manusia ini bersih, dan asal usulnya adalah dari lelaki yang diciptakan Allah sebagai khalifah di bumi dan disembah oleh malaikat-Nya.³⁹

Mohammed Akef mengetahui bahawa Allah SWT telah mencipta manusia di dalam kabilah – masing-masing, dan dari bangsa-bangsa yang saling mengenal antara satu sama lain, maka mereka akan saling memahami dan kemudian mencintai, seperti yang diperkatakan dalam firman Allah, mafhumnya: ((Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.))⁴⁰

³⁶ Ibid, p30.

³⁷ Turan İdeali dianggap membawa semua orang Turki bersama-sama di bawah satu pentadbiran.

³⁸ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p36.

³⁹ Ibid., p36.

⁴⁰ Surah Al-Hujurat Ayat 13

Akef telah menolak perkauman dalam banyak puisinya dengan jelas, dan jelas bahawa matlamatnya adalah terhadap ummah Islam secara langsung. Sebagai contoh, dalam perenggan pertama lagu kemerdekaannya, dia menyebut seperti berikut:

“Janganlah bersedih, bendera merah ini tidak akan dipadamkan pada senja langit
Sebelum api terakhir di rumah terakhir tanah airku memadamkan api cahaya
Akan tetapi bintang-bintang akan terus bersinar
Ia adalah untuk aku dan rakyat aku tanpa henti”

Di sini, Mohammed Akef menyebut dalam perenggan perkataan "negaraku", ia merujuk kepada tanah Islam sahaja, bukan wilayah Turki dan bukan Arab atau lain-lain. Dalam perenggan kedua:

Bulan kami yang indah, aku mohon janganlah kamu memotong alismu
yang cantik
Senyumlah untuk perwiraku! Betapa ia terhormat dan teragung?
Jika tidak, darah kami yang sihat ini tidak akan menjadi halal bagi kalian
Ini adalah hak bangsaku untuk menuntut kemerdekaan.

Penyair hebat ini juga menyebut perkataan "bulan kami" dalam perenggan ini, dan melambangkannya kepada agama Islam. Seheinggakan beliau menggunakan perkataan tersebut dalam ayat “Dengan adanya bulan kami, tidak akan tenggelam matahari” di dalam puisinya yang bertajuk “Kepada para syuhada kubu Gnak”.

Aku telah bebas sejak azali dan hidup secara merdeka

Mana-mana orang yang tidak berfikir itu mengikatku dan merantaiku, apalah yang hendak dikagumkan dengannya!

Aku, seperti arus yang mengamuk, memecahkan empangan lalu bergegas,
Aku memecahkan gunung-gunung, mengisi udara, serta berdiri dan berpaling
Sekiranya tembok diperkuat sehingga mengepung cakrawala barat
Sempadan di dadaku ini seperti iman yang teguh

Janganlah takut, maka kamulah yang paling berharga, dan selalunya bukan untuk mempertahankan iman

Tamadun itu tidak lain dan tidak bukan hanya seperti raksasa tunggal yang berjanggut

Penyair hebat ini juga mendedahkan wajah imperialis penjajah Barat pada perenggan keempat ini, beliau memanggilnya sebagai 'rakasa tunggal berjanggut'. Beliau memaksudkan bahawa di

bumi ini hanya ada satu tamadun, iaitu sistem ilahi yang didirikan di bumi melalui para utusan Tuhan Yang Maha Kuasa.

Sahabatku, janganlah biarkan tanah air terdedah kepada musuh

Jadilah penghalang yang tidak dapat ditembusi oleh pencerobohan yang terang-terangan seperti manusia gagah perkasa

Hari-hari yang dijanjikan Allah kepada yang berjiwa besar akan bersinar

Dan mungkin esok atau sebelum itu akan menyebarkan cahayanya

Jangan mengira apa yang ada di bawah kaki kamu dan aku percaya

Dan dihitung beribu-ribu mayat tanpa kafan

Kamu adalah anak kepada lelaki yang syahid, jangan cederakan nenek moyang saya akan;

Jangan keterlaluan dengan syurgamu, walaupun kamu diberikan alam semesta tanpa harganya

Siapa di antara kita untuk syurga tanah air ini tidak menawarkan diri sendiri?

Tanah ini dibanjiri dengan syahid jika aku menyentuhnya!

Dengan semangatku, cintaku dan kerajaanku, kerana Allah aku mempunyai jiwa,

Hanya tanah air dan aku tidak boleh hidup tanpanya

Aku berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku, dengan doa

Untuk memulihkan tempat ibadat ini dari tangan musuh yang bernoda

Untuk menjaga azan dengan kesaksian sebagai bukti tertinggi

Ia adalah tugu agama di tanah airku

Dan aku akan menyembah bagi-Mu saksi kuburku, dan kemudian aku melakukannya dengan penuh rasa cinta

Dengan air mata yang berdarah, Tuhanku, dari luka dalam hatiku

Dia akan mengangkat keranda dari bumi seperti jiwa yang kosong

Dan akanku berikan namaku kepada takhta seterusnya

Kepakmu seperti senja yang merah wahai Amjad Hilal!

Biarkan semua darah kita menjadi halal bagi kamu

Kamu juga tidak akan mengalami kerosakan bangsa

Kebebasan dari hak panjiku yang tidak dapat dipertikaikan

Ini adalah hak bangsaku untuk meraih kemerdekaan⁴¹

Dalam rangkap terakhir untuk lagu Kemerdekaan, apakah yang dimaksudkan Akef dengan perkataan ini 'bukanlah kerosakan etnik' kepada etnik Turki atau Albania? Di sini penyair hebat ini merujuk kepada bangsa yang bersih dari kemanusiaan dan hakikat kejadian. Ini adalah amaran kepada semua puak tiga kelompok iaitu Turki, Barat dan Islam.

⁴¹ Terjemahan Lagu Kemerdekaan: Jacob Gaimazoglu <https://www.tccb.gov.tr/en/independencemarch/>
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved



Gambar Asal Yang Ditulis Lagu Kebangsaan Kemerdekaan Dalam Bahasa Uthmaniah

Setelah kita pelajari beberapa garis penting mengenai kehidupan Mohammed Akef, kita mendapati bahawa beliau ialah seorang yang menyaksikan detik-detik kritikal dan sukar Empayar Uthmaniyyah, serta penubuhan kerajaan baru. Beliau juga ialah seorang lelaki yang

memiliki roh perjuangan, mendambakan hati untuk bangsa, dan mempunyai daya tarikan yang kuat untuk bersuara. Beliau mempunyai banyak maklumat dari segi sistemnya, kumpulannya, tafsirannya, khutbahnya, artikelnya, terjemahannya, dan mesejnya. Ini adalah kunci dunia pemikirannya. Di sini kami cuba meneliti koleksi Akef dan akhbar-akhbarnya yang disebut "*Safahat*" di mana beliau mengumpul puisi-puisinya, dan dengan itu kami berharap dapat memahami pandangannya tentang kehidupan, dunia pemikiran, konsep Islam dan kesusasteraan ..

‘Sabil Ar-Rashad’ nama lamanya adalah ‘Sirat Al-Mustaqim’

Majalah ini diterbitkan dengan '*Sirat Al-Mustaqim*' pada tahun 1908 dan telah ditukar nama kepada '*Sabil Ar-Rashad*' pada tahun 1912, dan ianya ditutup kerana undang-undang "laporan berdiam diri"⁴² pada tahun 1925. Majalah itu diterbitkan secara mingguan dalam 16 akhbar. Penulis-penulis '*Sabil Ar-Rashad*' terdiri daripada perintis seperti Omar Reza, Saeed Halim Pasha, Ahmed Gouda, Alma Lili Gujuk Hamdi Effendi, Ashraf Adib, Hassan Hikma, Ali Akram.⁴³

Bahagian pertama di dalam '*Sabil Ar-Rashad*' adalah khusus tentang bidang keilmuan dan kesenian,⁴⁴ dan bahagian kedua berkaitan dengan politik. Setelah mempelajari bidang-bidang yang disebutkan oleh '*Sabil Ar-Rashad*' adalah, penyelidik mendapati bahawa ilmu yang di dalam majalah '*Sabil Ar-Rashad*' dibahagikan kepada dua jenis ilmu, iaitu, ilmu syariah, yang merangkumi tafsiran Hadis, Fiqh, fatwa, khutbah, nasihat, dan perniagaan dalam Islam. Seterusnya, ilmu sosial: iaitu falsafah, kesusasteraan, penulisan, sejarah, pendidikan, pertumbuhan ilmu dan intelektual.

Kemasyhuran majalah itu telah tersebar kerana kesahihannya dan keikhlasannya kepada seluruh dunia Muslim, sehingga kemasyhurannya telah mencapai dunia bukan Islam seperti Rusia, China, India dan Jepun. Di samping itu, majalah itu menyokong "Perjuangan Kebangsaan", dan menangani masalah asas seperti "Mengapa wujudnya kelemahan dalam dunia Islam? Bagaimana umat Islam berkembang? Adakah Islam menghalang evolusi? Apa yang boleh dilakukan untuk menyatukan umat Islam? Adakah percanggahan antara sains dan Islam? Bolehkah tamadun Islam diintegrasikan dengan tamadun Barat?" juga isu-isu lain yang dihadapi antara dunia Islam dan dunia bukan Islam, majalah itu juga membincangkan mengenai penyelesaian masalah itu. Antara penyelesaian yang dicadangkan oleh pengarang utama majalah ini dalam menghadapi masalah-masalah utama ini ialah kaedah penyebaran, pengajaran dan pemahaman Islam mesti berurusan dengan ilmu keagamaan sekali lagi, dari segi menyusur perkembangan dan keperluan zaman moden.⁴⁵

Tujuan majalah ini adalah untuk mengklarifikasi kuasa Islam ke atas kehidupan melalui iman, etika, falsafah, politik, dan pendidikan. Majalah ini bertujuan untuk menyelamatkan dunia Islam dari penjajahan, memperkuat penyatuan masyarakat Islam, membangunkannya, dan mematuhi akidah Islamiyyah. Ia tidak bergantung kepada pemahaman tradisional, klasik, dan

⁴² Undang-undang ini diisytiharkan oleh Parti Kesatuan dan Kemajuan pada tahun 1925 dengan tujuan untuk mencegah "gerakan reaksioner". Undang-undang ini telah menutup banyak institusi dan majalah Islam. Pemerintah menahan ramai ulama dan wartawan dan memindahkan mereka ke mahkamah kemerdekaan, ramai dari kalangan mereka dihukum digantung.

⁴³ EFE, Adem, Sebülürreşâd, 2009, *İslam Ansiklopedisi*, TDV Yayınları, Cild 36: İstanbul, pp251-253.

⁴⁴ Ibid., pp251-253.

⁴⁵ Ibid.

keamanan. Majalah ini bertujuan untuk memperbaharui keadaan baru sebuah kehidupan, dan dapat dilihat bahawa ijhtihad dapat dilaksanakan dengan syarat tidak mengubah aturan dasar agama. Dan tidak ada benda yang dapat menonjolkan negara Islam kecuali dasarnya benar bagi penubuhan struktur politik masyarakat Islam pada struktur sosial, struktur etika, dan struktur keyakinan dan keimanan yang benar.⁴⁶

Safahat

Puisi-puisi ini, yang termasuk dalam Kumpulan Puisi Mohammed Akef (*Safahat*), semuanya melibatkan mesej intelektual di mana pelbagai isu politik Islam ditangani oleh negara yang dikalahkan ini. Ia terdiri daripada (108) puisi, dan mengandungi sebelas ribu dua ratus empat puluh ayat puisi.⁴⁷

1) Buku pertama oleh Mohammed Akef menamakannya "*Safahat*" (1911) juga, merupakan puisi yang diterbitkan dalam majalah *Sirat Al-Mustaqim*, jumlahnya adalah sebanyak 44 puisi.⁴⁸

Akef menyimpulkan pemahaman beliau di dalam buku pertamanya, seperti berikut:

"Tanya kepadaku wahai pembaca yang disayangi, aku akan memberitahu kamu

Di mana identitiku berdiri di hadapan kamu

Satu timbunan kata hanya mempunyai kemahiran yang asas

Aku tidak tahu bagaimana untuk membuatnya kerana aku bukan pemilik kesenian

Mereka berkata puisi adalah air mata, saya tidak tahu, hanya

Kesemua yang jatuh dariku adalah air mata tragis

Aku menangis sampaikan aku tidak boleh lagi menangis, rasa yang tidak dapat aku nyatakan

Tiada suara hatiku, jadi lihatlah betapa anehnya aku

Bacalah, jika kamu memerlukan hati yang puitis

Bacalah, kerana aku menulisnya walau hanya dua perkataan "⁴⁹

Dalam pemahaman beliau tentang hal ini, beliau mengukurnya melalui dua konsep: teras dan rekaan, juga keseimbangan antara mereka yang menganggap puisi sebagai air mata dan mereka yang menulis puisi impotensi. Sumber asal untuk menyamakan puisi dengan air mata adalah dari pemikir Perancis yang bernama Voltaire. Dalam analoginya, puisi adalah cara untuk mengekspresikan perasaan peribadi, seperti hipersensitiviti, mengeluh, tidak tahan, reaksi terhadap kehidupan, dan lain-lain lagi. Akef tidak pernah percaya tentang analogi ini. Ia merujuk kepada kata-kata beliau "Mereka berkata bahawa puisi adalah air mata, dan saya tidak

⁴⁶ ÖZ, Asım, 2009, Dosdoğru Yolun Sadık Dergisi Sirat-ı Müstakim'e Genel Bir Bakış, Erişim Tarihi, pp7-8.

⁴⁷ Terjemahan dan penulisan, Abdullah Ahmad Ibrahim Al-Azab, 2018, penyair Islam Mohammed Akef Arsoy dan pilihan dari buku-buku puisinya "*Safahat*", Buruj: Kaherah, p50.

⁴⁸ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, p53.

⁴⁹ ERSOY, Mehmet Akef, 2001, *Safahat*, MEB Yayınları: Ankara.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

tahu tentang itu" hal ini menunjukkan bahawa Akef tidak bersetuju dengan pandangan ini.⁵⁰ "Dengan koleksi-koleksi dari majalah ini, ia dapat menangani dan mengandungi beberapa isu sosial dan kemanusiaan dan keperitan hidup. Walaupun mereka memasukkan isu-isu seperti kemiskinan, penyakit, kecacatan dan kekurangan, mereka juga menunjukkan jalan menuju harapan, kebaikan, kebajikan, bantuan dan pertolongan, ia juga turut menceritakan tentang kejahatan, kezaliman, paksaan, menimbulkan kebencian dan menyebarkan emosi dan perasaan jijik. Akef mengajak pembaca sentiasa mencari, bekerja dan berusaha,⁵¹ seperti di dalam puisinya:

"Hendaklah bumi berfungsi dan langit bekerja, dan duduklah kamu, jika kamu tidak mahu hilang

Saya tidak tahu, adakah kamu mempunyai alasan untuk ini? Berhenti!

Sekiranya Pencipta tidak berhenti sebagaimana kejadian

Lihat, ia dapat dilihat dalam ribuan fakta

Wahai orang-orang yang tidur, dan dunia yang kamu nikmati

Adakah kamu tidak bergerak? Sekurang-kurangnya malulah kepada Tuhan⁵²

2) Buku kedua "Di platform Sulaymaniyah" (1912), pengumpulan rangkap-rangkap puisi yang mempunyai unsur agama dan akhlak, buku ini diterbitkan oleh Mohammed Akef seperti dalam majalah '*Sirat Al-Mustaqim*' yang mana ia mengandungi banyak perkara mengenai pemahaman agama. Dalam puisinya, beliau memberi tumpuan yang lebih terhadap masjid, yang mana ia menjadi tempat yang paling penting dalam memupuk kesedaran bangsa. Abdul Rashid duduk di atas kerusi dan menyampaikan khutbah, beliau salah seorang dari orang Islam Siberia, yang mengelilingi dunia islam di timur dan barat. Disebabkan hal itu, beliau banyak menjana tanggapan dan idea-idea penting, beliau melontarkan pendapat dan idea-idea penting selepas bercakap tentang bagaimana masyarakat memahami agama Islam pada abad kedua puluh. Namun begitu, pemahaman agama pada masa itu tidak cukup untuk menyelesaikannya masalah yang dihadapi oleh negara Islam, kerana melaluinya kita sedar bahawa Islam adalah agama samawi yang terakhir, dan berbeza dari idea dan pendapat yang telah terbentuk dari tinggalan sejarah. Ia juga menggambarkan sifat kebudayaan, sosial negara dan pemahamannya terhadap agama ketika negara itu berada dalam keadaan yang menyedihkan. Para ulama dan para penatua tidak dapat memberi pencerahan dan memberi peringatan kepada orang ramai tentang pemahaman mereka tentang ilmu-ilmu, membimbing mereka atau memimpin mereka,⁵³ kerana:

"Semua yang kamu fikirkan untuk kebaikan bangsa adalah bidaah

Tetapi kamu menghina penjelasan dengan mengubahnya

⁵⁰ ŞİMŞEK, Tacetin, 2019, Mehmed Akef'in Poetikası, A.Ü, Türkiyat Araştırmaları Enstitüsü Dergisi TAED, 53: Erzurum, p5.

⁵¹ Terjemahan dan penulisan, Abdullah Ahmad Ibrahim Al-Azab, 2018, penyair Islam Mohammed Akef Arsoy dan pilihan dari buku-buku puisinya "Sofahat", Buruj: Kaherah, p53.

⁵² ERSOY, Mehmet Akef, 2001, *passim*.

⁵³ Yildirim, Ramadan, 2011, Pemikiran Agama Muhammad Akef, Kumpulan Oriental, No 15: Fakulti Sastera, Universiti Istanbul, pp162-163.

Jangan malukan Tuhan mahupun Nabi

Merekalah orang yang berilmu tetapi sebenarnya bodoh

Bagaimana keadaan ini berlaku di negara ini, fikirkanlah?"⁵⁴

Dalam puisi-puisinya, Mohammed Akef menyatakan keadaan para ulama yang menggalas tanggungjawab terhadap Islam kepada rakyat sepenuhnya, dan dalam salah satu artikelnya, beliau menunjukkan bahawa beberapa tingkah laku mereka yang dilakukan atas nama agama dan ia adalah kejahatan terhadap agama. "Umat Islam kini melakukan kejahatan terhadap agama mereka, mereka perlu melihat ke dalam minda dan memikirkan agama mereka sehingga mereka menyedari bahawa banyak yang mengejar keinginan mereka dan mengikuti gagasan-gagasan mereka adalah sesat, walaupun mereka menganggap ia bergerak seiring dengan kehendak agama."⁵⁵

"Dengan wujudnya jumlah sekolah yang besar, namun subjek yang diajar tidak memberi manfaat dan berguna di dunia mahupun akhirat, dan budaya yang tidak sesuai dengan identiti Islam yang murni tulen seperti disebut oleh Sufisme yang wujud pada masa itu. Orang membaca buku Hafiz seperti mereka membaca buku fatwa, dan mereka berpegang pada konsep "lakukan apa yang kamu inginkan selagi tidak menyakitkan hati orang lain" menjadi tonggak asas dan ia telah tersebar luas. Seterusnya, apa yang dimaksudkan pada definisi agama itu adalah lebih daripada adat dan tradisi. Berjuta-juta umat Islam berkata, "Kami menemui nenek moyang kita tentang ini," seolah-olah mereka melakukan tindakan mereka yang betul, tetapi konsep ini tidak diterima dalam agama Islam. Umat Islam tidak jatuh ke dalam kelemahan dan kemunduran ini jika mereka membaca Al-Quran dan memahaminya sepatutnya."⁵⁶

"Bukankah kita hendak mencari tujuan dalam ayat-ayat ini?

Al-Qur'an jelas ditunjukkan

Kerana tiada seorang pun daripada kita dapat mengambil kira maknanya

Sama ada membuka halaman dan melihatnya

Atau membacanya di atas debu orang mati dan kami berlalu

Ketahui dengan pasti bahawa Al-Quran tidak akan turun

Tidak untuk dibaca di kubur dan tidak untuk dibaca doa"⁵⁷

Akef mengkritik tentang keadaan dunia Islam, bid'ah dan khurafat, serta pandangan yang salah tentang Al-Quran dan agama, kepatuhannya terhadap adat melebihi agama, juga kemalasan dan tidak bertanggungjawab.

3) Di dalam buku ketiganya, "Suara Kebenaran" (1913), di mana beliau menerbitkan puisi tentang kesan dari perang Balkan, yang disebabkan oleh rujukan yang tidak betul dari tafsir Al-Quran dan Hadis. Penyair Al-Quran, Muhammad Akef, telah menjelaskan apa yang dia

⁵⁴ Ibid., p163.

⁵⁵ Yildirim, Ramadan, 2011, *passim*, p164.

⁵⁶ Ibid., p164.

⁵⁷ Ibid., p164.

sebutkan dari Al-Quran dan menafsirkan ayat-ayat yang memancarkan cahaya terhadap isu-isu pada zamannya dengan penjelasan yang jelas, serta diterjemahkan dan ditafsirkan dalam bahasa puisi.

Perang Balkan berlaku antara tahun 1912 dan 1913, pembunuhan beramai-ramai berlaku ketika itu, dan orang ramai yang mati di bunuh tidak kira yang tua, wanita atau anak kecil. Ia adalah keadaan yang tidak diinginkan berlaku seperti yang diterangkan oleh Akef kepada kami:

“Bagus! Enam ratus ribu orang beriman disembelih dalam sekelip mata”

Dan dimulakan syair yang lain dalam bahagian ini dengan surah Yusuf ayat 87 ,mafhumnya ((*Wahai anak-anakku, pergilah kamu, carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah, Sesungguhnya yang berputus asa dari rahmat Allah, hanyalah orang-orang yang kafir*))

"Sekiranya dunia tiada cahaya, maka kamu perlu menciptanya

Wahai lelaki yang sedang tidur, bingung berfikir dengan roti di atas tangannya, bangunlah!

Hak kehidupan kamu di dunia seperti orang lain

Di manakah penentuan dan ketabahan yang wujud, seperti orang lain?

Kemunduran seperti paya, jika jatuh pasti tenggelam "⁵⁸

Mengenai puisi yang lain pula, Akef meneruskannya dengan Surah A'raf, ayat 155, sebagai contoh, mafhumnya ((*Apakah engkau akan membinasakan kami kerana perbuatan orang-orang yang kurang berakal di antara kami?*)) Menurut beliau penyebab kekalahan dan kekecewaan bukanlah dari musuh, tetapi kerana keadaan mentaliti dan kejahilan negara Islam. Beliau percaya bahawa jika negara masih mempunyai kekurangan dan tidak membetulkan kesilapannya, tentu saja, Tuhan tidak akan membetulkannya atau melakukannya.

4) Dalam buku keempatnya, "Di Minbar Fateh" (1914), penyair yang mulia ini menggambarkan dua orang sahabatnya yang sedang berbual sepanjang perjalanan mereka ke Masjid Al Fateh. Khutbah yang disampaikan oleh pendakwah (Mohammed Akef) dari minbar Masjid Al Fateh adalah tentang keadaan semasa Perang Balkan, dan ia berkaitan konsep ketuhanan tentang kejadian dan kewujudan.

Dalam nasihatnya, penyair Mohammed Akef membahagikan rakyatnya pada empat bahagian:

Bahagian pertama: Mereka yang tidak peduli dengan apa-apa dan tidak dipedulikan, kerana semuanya adalah dari Allah.

Bahagian kedua: Mereka golongan yang telah putus asa dari segala-galanya dan tidak ada cita-cita serta tidak mempunyai cara untuk diselamatkan.

⁵⁸ Ibid., p164

Bahagian ketiga: Mereka adalah ahli sastera paling berseni dan hebat yang meniru semua teori Barat, mereka keliru diantara nilai yang ada pada diri mereka lantaran terlalu mendepankan barat. Natijahnya kewarganegaraan mereka samada lelaki atau wanitatidak jelas.

Bagi bahagian keempat: Mereka golongan yang bodoh tidak berfikir tentang apa-apa selain hiburan, keseronokan dan kelalaian.⁵⁹

Sesungguhnya takdir, amanah, khurafat dan lain-lain mempunyai tempat yang istimewa dalam konsep Islam menurut Akef. Persepsi dan kritiknya yang berani juga berpengaruh dalam hal-hal ini bahkan beliau tidak takut akan sesiapa pun. Beliau juga percaya bahawa kejahilan adalah sebab mengapa orang memahami takdir serta mempercayai dengan pemahaman yang salah, bersikap malas, menderita dan lemah bukannya dengan tawakal. %%

Beliau berjuang untuk membezakan antara takdir dan tawakal, serta memahamkan mereka dengan pemahaman dengan betul, beliau memanggil mereka:

"Hari ini kaki ini diinjak-injak

Itu takdir, bukan? Tidak, itu tidak benar

Jika kamu mahu malapetaka maka Tuhan akan memberinya, dan ianya betul

Secara semulajadinya, keputusannya kelihatan seperti permintaan

Adakah mungkin kamu akan dianiaya oleh kehendak Tuhan?

Setiap kali syariat mengatakan kepada kamu, tidak bekerja, bahkan kamu malas

Mendakwa banyak khurafat pada namanya

Kemudian kamu berpegang pada tawakal

Dan menjadikannya penolakan dari agama"⁶⁰

5) Dalam buku kelimanya "Pemikiran", beliau menulis puisi tentang perjalanannya ke Mesir, Jerman, Luxor, Medina dan Najd, serta peristiwa selepas Perang Dunia I dan bencananya. Dalam perjalanannya ke Jerman, beliau melihat perkembangan dan sistem sosial, membandingkan antara Timur dan Barat, serta apa yang wujud di dalam diri orang Islam dan apa yang dilakukan oleh orang-orang Jerman. Beliau juga membandingkan kafe-kafe dan tempat-tempat yang sama di negaranya, serta apa yang dilihatnya di hotel-hotel-hotel, jalanraya, kereta api dan sebagainya. Beliau memberi tumpuan kepada bandar-bandar dan masyarakat yang tinggal di situ, hubungan di antara mereka, juga terhadap karya seperti yang dilihat dari aspek kebersihan, penjagaan undang-undang, pemerintahan, ketenteraman dan juga akhlak.⁶¹ Kemudiannya beliau menyeru Timur, dan dunia Islam untuk memulihkannya:

⁵⁹ Terjemahan dan penulisan, Abdullah Ahmad Ibrahim Al-Azab, 2018, penyair Islam Muhammad Akef Arsoy dan pilihan dari buku puisinya "Safahat", Buruj: Kaheerah, p57.

⁶⁰ Yildirim, Ramadan, 2011, *passim*, p173.

⁶¹ MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, *passim*, pp129-145.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

"Wahai warga timur, wahai kesengsaraan abadi

Maksudku, kamu bergerak

Aku takut akan tangan Barat, esok

Tidak tetap dikutuk tidak hidup "⁶²

Kemalasan, akhlak dan adat yang buruk membawa kepada kejatuhan negara dalam kehinaan dan kesengsaraan. Kritikan Akef mengenai puisi pada zaman itu ditulis dalam puisinya "Pemikiran Berlin" seperti berikut:

"Apa yang tersisa? Adakah kesusasteraan?

Belum lagi bahawa ia tidak memenuhi keperluan

Dia menawan jiwa bangsa dan menyekatnya

Atau menekan emosi di hati "⁶³

Dalam kritikan kesusasteraan Barat ini, beliau berpendapat bahawa kesusasteraan mestilah bertindak balas terhadap keperluan dan tidak membenarkannya menyihir jiwa masyarakat serta mengandungi konflik emosi.

6) Dalam buku keenamnya "*Aseem*" (1924), ia ditulis dalam bentuk perbualan juga dialog antara tiga orang, iaitu Kusah Imam (Talib Mohammad Taher Effendi), Assem (anak Imam Koseh) dan Khoja Zadeh Mohammed Akef).⁶⁴ Kesan ini menunjukkan kepada kita tentang golongan muda Muslim dalam matlamat pegangannya, dan kebenciannya, serta pemberontakannya terhadap ketidakadilan dengan kekuatan iman. Beliau menggelar generasi muda Muslim sebagai "generasi *Aseem*," dan ini menggambarkan kerinduan dan keinginan untuk meningkatkan generasi Assem seperti sahabat yang ditarbiah oleh Nabi saw. Ianya juga perlu dikatakan bahawa generasi *Aseem* adalah generasi Al-Qur'an, yang disebut Sayyid Qutb dalam bukunya "Pencapaian dalam perjalanan".

"Di sekolah, aku dapat melihatnya

Sekarang aku melihat seseorang seperti Ibn Rushd

Tidak ada yang menjadi seperti Ibn Sina, di mana pergi manusia persis Imam Ghazali?

Tidak ramai ulama, yang sama seperti Imam Ar-Razi"⁶⁵

Menurut Mohammed Akef, cara Islam pada zamannya menyerupai dan merespon terhadap ijtihad-ijtihad baru, tetapi beliau percaya bahawa sekolah pada masa itu tidak mempunyai ciri-ciri yang mampu melakukan ijtihad, kerana sekolah-sekolah ini tidak mengeluarkan para ulama dan pemikir yang melakukan ijtihad. Oleh itu, generasi *Aseem* digambarkan sebagai pencetus yang mampu melakukan semua ini.

⁶² ERSOY, Mehmet Akef, 2001, *Hatıralar*, MEB Yayınları: Ankara.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Terjemahan dan penulisan, Abdullah Ahmad Ibrahim Al-Azab, 2018, penyair Islam Muhammad Akef Arsoy dan pilihan dari buku-buku puisinya "*Safahat*", Buruj: Kaheerah, p63.

⁶⁵ ERSOY, Mehmet Akef, 2001, *passim*.

Kemudian, Pembantu Profesor Ramadan Yildirim menyentuh tentang ijihad Akef dengan berkata: "Beliau ialah seorang pemikir dan seorang yang intelek, beliau mempamerkan perpecahan masyarakat Islam dari segi moral, sosial dan ekonomi, serta berusaha untuk menyelesaikan masalah ini, dan penyelesaian yang dikemukakan oleh Mohammed Akef kepada penyakit dan kekurangan ini adalah hanya dengan kembali kepada era kebahagiaan dan sebaik-baik abad. Beliau mengesyorkan agar kita memahami realiti kehidupan, dan mengambil Al-Quran sebagai dasar dan perlembagaan, serta mengeluarkan makna baru untuk ntuk memahami keperluan semasa dan mencari penyelesaian,⁶⁶ seperti kata-kata beliau:

"Kerja tujuh ratus tahun adalah usianya

Keperluan untuk hutang ini boleh dijangkakan

Kita mesti diilhamkan oleh Al-Quran sahaja

Dan memperlihatkan Islam untuk memahami usia "⁶⁷

Penulisan-penulisan yang berusia tujuh abad ini ialah karangan yang berkisar tentang agama tetapi ditulis untuk memenuhi keperluan masa di mana ia ditulis. Ia tidak dapat dipindahkan di dalam masalah pada masa kini, tetapi ijihad baru harus dibuat bagi mewujudkan pemahaman yang benar mengenai agama di dalam masyarakat.⁶⁸

Akef berkeja keras dalam bab ijihad ini lagi kerana beliau percaya bahawa pintu ijihad terbuka sehingga Hari Kiamat, tetapi ia harus memenuhi syarat-syaratnya kerana sesiapa yang akan melakukannya, dan dia tidak mengenali dan tidak sanggup melakukan ijihad ini maka dia tidak layak melakukannya kerana dia bukan ahlinya, katanya:

"Para ulama, hingga hari kiamat, mereka berijihad

Tetapi pintu ijihad ditutup kepada para cerdik pandai yang buta huruf

Al-quran, Sunnah dan Ijmak mesti difahami

untuk mengetahui perbezaan dan melihat kepada keperluan. "⁶⁹

Sekiranya para mujtahid tidak mempunyai ilmu, pengetahuan tentang agama dan realiti kehidupan adalah penyelesaian kepada masalah dan halangan yang dihadapi oleh umat Islam. Sesungguhnya roh Islam, yang merupakan penyelamat bagi semua umat manusia yang terluka. Akan tetapi, penting bagi mereka menyinari umat manusia tentang Islam dan menyebarkan kepada mereka, kerana sesungguhnya:

⁶⁶ Yildirim, Ramadan, 2011, *passim*, p165.

⁶⁷ ERSOY, Mehmet Akef, 2001, *passim*.

⁶⁸ Yildirim, Ramadan, 2011, *passim*, p165.

⁶⁹ Ibid., p166.

"Agama ini bukanlah agama orang mati seperti yang kamu tahu

Dia dilahirkan hidup dan akan tetap hidup selagi adanya bumi"⁷⁰

7) Di dalam buku ketujuhnya "Dzilal" (1933 M), yang ditulis oleh penyair semasa beliau tinggal di Mesir, menjadi seorang yang terasing dari tanah airnya. Kita dapat melihat bahawa penyair merasakan keperitan emigrasi dan kesedihannya. Beliau memandang ke arah dirinya sendiri, dan menggambarkan keadaan rohaninya juga kekecewaannya.⁷¹ Ia disebut dalam salah satu sistem yang muncul dalam bukunya "Dzilal", seperti berikut:

"Apa yang perlu dipertahankan adalah lidah

Bahkan, aku berteriak untuk membangunkan Islam

Sesungguhnya lelaki yang berjiwa puitis itu bersemangat dan mempunyai keimanan yang suci

Bagi aku, aku juga akan tetap lemah selagi tidak berbincang untuk berdamai

Tetapi siapa yang akanku seru? Pemilik Negara sudah dijajah!

Aku hanya mampu mencekik tangisku dan kemudian mengambil tubuhnya

Lalu aku memotongnya dan kemudian dikebumikan di puisiku

Celakalah, untuk menenggelamkan halaman-halaman lembah seolah-olah hancur berkecai!

Ia seolah-olah aku turun tanpa bangkai seperti air mata yang mengalir

Tiada kesan kesakitanku di bawah topi pekik ini

Dan kekecewaan saya mengerang di halaman saya tanpa meratap! "⁷²

Kemudiannya, penyair hebat ini tidak menceritakan tentang dirinya sendiri, kerana masyarakat di negara itu menghadapi masalah yang serius. Mereka menjauhi antara satu sama lain walaupun mereka adalah rakyat negara yang sama dan di negara yang sama, dan telah dijajah hati rakyat dengan pemikiran fitnah dan kehancuran, juga perkauman yang seperti sampah. Akef percaya bahawa ini adalah penyebab kepada berlakunya diskriminasi. Diskriminasi dan kumpulan kecil umat Islam ini adalah bencana besar, dan setiap kelompok telah melucutkan diri dari kelompok lain. Penyair bangsa memberi amaran kepada mereka dengan memaparkan contoh surah Al-Anfal, mafhumnya (*Dan taatilah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu menjadi gentar dan kekuatanmu hilang dan bersabarlah. Sungguh, Allah beserta orang-orang yang sabar*)) (ayat: 46).

Beliau tahu bahawa putus asa dan kecewa adalah perkara buruk yang berkaitan dengan iman, dan boleh merosakkan tauhid, kerana tidak ada manusia yang takut akan rahmat Allah kecuali mereka yang sesat. Beliau melihat dalam membebaskan dan memenangkan rakyat dengan

⁷⁰ Ibid., p166.

⁷¹ Uthmani, Rafiee Mahmoud, Dzilal di dalam diwan puisi (*Safahat*) Mohammed Akef, penyair Turki yang hebat, dipindahkan ke dalam bahasa Arab oleh Ibrahim Sabri di Fakulti Seni, University of Alexandria, pp20-22.

⁷² Ibid., p31-32.

usaha mereka sendiri adalah dengan berazam dan berusaha sebelum bertawakal dan serahkan semuanya kepada Allah.

"Aku akan membunuh anda berputus asa dan membangkitkan kesungguhan saya

Ia adalah kepercayaan iman untuk kembali ke kehidupan

Biarkan saya bergembira, apa kekecewaan ini dan apa yang rugi ini?

Dia mula berdiam diri

Dan untuk menyebarkan harapan yang kuat kepada anak-anak anda

Dan percaya kepada Tuhan dan berpegang pada tali pengejaran dan kebijaksanaan.


Inilah jalan dan saya tidak tahu apa-apa garis lurus lain. "⁷³

Penutup

Kami melihat pemikiran Mohammed Akef mengenai penulisannya di dalam "*Safahat*" dan artikel yang diterbitkan dalam majalah "*Sabil Ar-Rasyad*". Sumber utama pemikiran Akef adalah ayat-ayat Al-quran dan Hadis Nabi. Puisi-puisi beliau semua mengikut apa yang digariskan dan selari dengan ayat-ayat Al-quran dan hadis. Beliau juga dapat meramalkan manfaat dari sudut akhlak, sosial dan kesusasteraan.

Menurut beliau, fungsi penyair adalah untuk menyediakan pendidikan bagi setiap rakyat negara, serta memberikan idea-idea yang bernas dan kata-kata yang baik, akan tetapi pengabaian terhadap fungsi ini juga boleh menjurus kepada kejatuhan negara. Menurut pandangan yang dibawa oleh Mohammed Akef, Islam menerima puisi dari sisinya yang baik dan menolaknya dari sisi jahat.

⁷³ Ibid., p48.

Carta Metodologi Sastera Mohammed Akef Arsoy**Bibliografi****Rujukan Arab:**

Al-Quran

Halaman: <https://www.turkpress.co/node/16824>Halaman: <https://www.youtube.com/watch?v=fKqmfXZgxTA>Laman web: <https://www.turkey-post.net/p-6786/>

Terjemahan dan penulisan, Abdullah Ahmad Ibrahim Al-Azab, 2018, **Penyair Islam Mohammed Akef Arsoy dan pilihan dari buku-buku puisinya "Safahat"**, Buruj: Kaherah.

Terjemahan Lagu Kemerdekaan: Jacob Gaimazoglu
<https://www.tccb.gov.tr/en/independencemarch/>

Uthmani, Rafiee Mahmoud, **Dzilal** di dalam diwan puisi (*Safahat*) Mohammed Akef, penyair Turki yang hebat, dipindahkan ke dalam bahasa Arab oleh Ibrahim Sabri di Fakulti Seni, University of Alexandria.

Yildirim, Ramadan, 2011, **Pemikiran Keagamaan Muhammad Akef, Kumpulan Oriental, No 15**, Fakulti Sastera Universiti Istanbul: Istanbul.

Rujukan Turki:

- ALPAY, Kenan, 2011, **Mehmet Akef'in Kur'an Anlayışı Vesilesiyle İslamcılık Akımı Modernizme ve Oryantalizme Nasıl Bağlanır.**
- ANDI, M.Fatih, Oktober 1995, **Safahat -Birinci Kitab'ın Devrinde Uyandırdığı Akisler,**
- ÇİFTÇİ, Arif, Januari 1997, **İdeal ve Gerçek Arasında Mehmet Akef Ersoy.**
- DEĞİRMENCİ, Ali, Mac 2008, **Süleymaniye Kürsüsünde'ki Mehmet Akef.**
- DÜZDAĞ, M.Ertuğrul, OKAY, M.Orhan, 2003, **Mehmet Akef Ersoy, İslam Ansiklopedisi,** TDV Yayınları, Cild 28: Ankara.
- EFE, Adem, Sebülürreşâd, 2009, **İslam Ansiklopedisi,** TDV Yayınları, Cild 36: İstanbul.
- ERSOY, Mehmet Akef, 2001, **Safahat,** MEB Yayınları: Ankara.
- MENGÜŞOĞLU, Metin Önal, 2007, **Müstesna Şair,** Pınar Yayınları: İstanbul.
- OKAY, M. Orhan, İstiklal Marşı, 2001, **İslam Ansiklopedisi,** TDV Yayınları, Cild 23: İstanbul.
- ÖZ, Asım, 2009, **Dosdoğru Yolun Sadık Dergisi Sırat-ı Müstakim'e Genel Bir Bakış,**
- ÖZ, Asım, Disember 2007, **Edebiyatta Sorumluluk ve Mehmet Akef.**
- ŞİMŞEK, Tacetin, 2015, **Mehmed Akef'in Poetikası,** (A.Ü. Türkiyat Araştırmaları Enstitüsü Dergisi TAED, 53: Erzurum.
- Web: https://www.youtube.com/watch?v=1_8YJ23fWKs